

**IMEJ BUDAYA DAN KERJASAMA DALAM KARYA SENI  
CETAKAN MAPHILINDO**  
**CULTURE AND COOPERATION IMAGES IN MAPHILINDO ARTWORK**

**Mohd Azdy Shahrin Nizzam Amarisner<sup>1</sup>**  
**Humin Jusilin<sup>2</sup>**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah<sup>1&2</sup>*

*aredyck@gmail.com; zumin@ums.edu.my*

*Tarikh dihantar: 3 September 2020 / Tarikh diterima: 20 Disember 2020*

---

**ABSTRAK**

Artikel ini menyingkap karya seni yang dihasilkan oleh kumpulan Pangrok Sulap bertajuk Maphilindo. Pangrok Sulap merupakan sebuah kumpulan yang terdiri daripada beberapa orang pengkarya yang amat prolifik menghasilkan karya cetakan teknik *woodcut*. Kajian khusus tentang karya seni cetakan yang bertajuk Maphilindo dipilih kerana memaparkan isu budaya dan sosial. Karya ini menggambarkan harapan tentang kesatuan budaya yang terkandung dalam gagasan kesatuan Maphilindo, iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia. Ketiga-tiga buah negara yang terlibat dalam penubuhan gagasan Maphilindo memberi kesan kepada budaya dan kehidupan sosial masyarakat tempatan. Pengkarya menggunakan seni cetakan untuk memberi gambaran dan pendedahan tentang kesedaran orang awam tentang isu ini. Penulis menggunakan Teori Ikonografi oleh Erwin Panofsky (1972) dalam menghurai setiap elemen seni visual yang diketengahkan oleh pengkarya dalam karya cetakan. Data-data yang terdiri daripada elemen formal dianalisis melalui tiga tahap analisis iaitu primer, praikonografi dan makna ikonografi. Kajian ini mendapat bahawa karya ini memaparkan elemen kesatuan yang selaras dengan budaya dan sosial antara negara Malaysia, Filipina dan Indonesia.

**Kata kunci:** Imejan, ikon, budaya, kesatuan, sosial.

**ABSTRACT**

*This article reveals the artwork produced by the Pangrok Sulap group titled Maphilindo. Pangrok Sulap is a group consisting of several very prolific works producing woodcut prints. This special study of printed artwork titled Maphilindo was chosen because it presents cultural and social issues. This work also illustrates the hope of cultural unity contained in the idea of Maphilindo unity, namely the countries of Malaysia, the Philippines and Indonesia. The three countries involved*

*in the establishment of Maphilindo ideas have an impact on the culture and social life of local communities. The artist uses printed art to give an idea and exposure to the public's awareness of the issue. The author used Erwin Panofsky's Theory of Iconography (1972) to decipher visual art elements centered by the works in print. Data consisting of formal elements is analyzed through three stages of analysis e.g. primary, preiconography and iconography meaning. The study found that this work presents elements of unity that align with culture and social between Malaysia, the Philippines and Indonesia.*

**Keywords:** Image, icon, culture, unity, social.

## PENGENALAN

Seni merujuk kepada kemahiran dan kemampuan seseorang dalam menghasilkan sesuatu karya untuk mencapai sesuatu tujuan. Selain itu, seni bersifat ekspresi manusia yang diterjemahkan dalam pelbagai bentuk karya, sama ada berbentuk dua dimensi ataupun tiga dimensi. Feldman (1967), menjelaskan bahawa seni sebagai medium komunikasi dan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu seni sebagai medium komunikasi ekspresi individu dan seni sebagai medium komunikasi ekspresi sosial.

Seni cetakan yang berjudul “Maphilindo” dalam kajian ini dapat dikaitkan dengan imejan yang berperanan sebagai medium komunikasi dan maklumat. Menurut Lansing (1971), “arts help one to grasp unique information that cannot be transmitted through other modes of communication.” Elemen komunikasi dan maklumat dalam seni cetakan dapat dikaitkan dengan *verbal-linear-analitik*, iaitu lahir daripada pemikiran dan gambaran menerusi imej-imej visual. Sebelum diperkenalkan seni cetak, medium lukisan adalah medium utama untuk berkomunikasi dan menyalurkan maklumat. Contohnya, bentuk karja lukisan sejak zaman dahulu menjadi media yang memaparkan peradaban, sejarah, identiti tamadun dan kerajaan silam.

Pada masa kini, ramai karyawan seni cenderung menukarkan figura sebagai hasil seni. Sebagai contoh, potret manusia dilakar, diwarnakan dan dicetak, melahirkan ilusi karakter manusia dan menggambarkan perihal kehidupan. Hasil lakaran dan warna yang berkesan dapat menjelaskan sesuatu isu atau perkara yang terselindung dalam kehidupan sebenar.

Karya cetakan “Maphilindo” oleh kumpulan Pangrok Sulap dalam kajian ini menggunakan aksi figura sebagai saluran untuk menunjukkan tingkah laku (karakter) dan imejan perlakuan manusia. Secara tidak langsung, imej

cetakan figura dalam karya ini diusahakan untuk menjadi paparan aksi yang bermakna dalam kehidupan dan aktiviti sosial. Gambaran karakter figura mampu menjelaskan penceritaan daripada pelbagai isu dan makna. (Mohd Johari Ab Hamid & Hamzah Lasa, 2013: 19) menyatakan paparan makna dalam karya seni bukan sahaja tontonan masyarakat sebagai kepuasan estetika ketika melihat imej atau hiburan, malah dapat menjelaskan makna yang lebih luas. Sehingga kini, seni telah menjadi instrumen yang berkesan bagi mendidik, membentuk nilai popular dan membentuk pendapat umum (Marzuki Hj Ibrahim, 2015).

## SOROTAN LITERATUR

Bidang seni sebagai imejan yang bermaklumat telah dikesan bermula daripada lukisan prasejarah di gua-gua. Hal ini menunjukkan bahawa manusia sentiasa ingin merakam maklumat budaya, peristiwa atau dirinya sejak dahulu lagi (Jacobs 1993).

Menurut Patrick Frank dalam *Artforms* (2014), seni lukis adalah saluran yang berbentuk pernyataan yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Seni juga berperanan memberi informasi kepada masyarakat sama ada mereka celik ataupun buta huruf. Sebagai contoh, pada kurun pertengahan (*middle-ages*), jendela kaca (*stained-glass*) dan arca keagamaan di Eropah telah digunakan untuk menyampaikan ajaran agama kepada masyarakat buta huruf ketika itu.

Marzuki Hj Ibrahim (2015), menjelaskan bahawa sehingga kini, imej seni berfungsi sebagai penyampai maklumat atau informasi kepada masyarakat di seluruh dunia. Bidang seni cetak, lukisan, poster, filem, dan foto membuktikan peranannya sebagai medium penyampaian maklumat. Hal ini demikian kerana imej seni mewakili bentuk representasi artistik dapat menyampaikan informasi yang mudah diingati berbanding perkataan.

Kajian-kajian penyelidik menjelaskan peri pentingnya peranan seni cetakan sebagai medium komunikasi kepada masyarakat pada masa kini. Pengkarya seni cetakan kini menjadikan isu-isu semasa seperti politik, provokasi, emosi peribadi serta hal berkaitan dengan pengalaman hidup sebagai idea dalam menghasilkan karya cetakan. Menurut Marzuki Hj Ibrahim (2015), ramai penggiat seni turut disokong oleh golongan politik atau ahli perniagaan untuk menonjol dan mempopularkan imej serta perniagaan mereka.

Long (1993), menjelaskan bahawa kemunculan seni cetakan dalam kalangan artis tempatan adalah atas pelbagai tujuan. Pada tahun 1930-an, teknik cetakan skrin dan lino digunakan untuk menghasilkan ilustrasi grafik poster dan majalah bagi menjelaskan mesej yang disampaikan dalam poster atau majalah ketika itu. Bidang seni cetak yang telah diterokai sejak zaman awal peradaban manusia berkait rapat dengan sosial, komuniti atau masyarakat. Berdasarkan catatan S.W Hayter (dlm. Phillips, Michael, 2000), menjelaskan bahawa kaedah seni cetakan yang telah diamalkan oleh masyarakat Sumeria dan masyarakat Assyrian Mesopotamia digunakan untuk menyampaikan maklumat keagamaan. Justeru, peranan seni cetak selaras dengan fakta sejarah dan budaya sebagai rakaman dan rujukan penting oleh banyak pihak.

Kajian Dawson, (2003), menjelaskan bahawa kaedah seni cetak mempunyai matlamat yang sama, iaitu merekodkan segala maklumat berkaitan kehidupan seharian, keagamaan dan upacara ritual. Oleh hal yang demikian, kaedah ini dapat menyebar dan mendokumentasikan banyak maklumat berguna pada masa akan datang. Rosiah Md. Noor, Mohd Zahuri Khairani (2019), pula menjelaskan bahawa isu budaya dan seni sering kali berkorelasi antara pernyataan atau kandungan karya seni. Sehubungan itu, seni dan budaya merupakan istilah yang saling melengkapi. Seni berperanan sebagai medium untuk merakam imej budaya sebagai fakta yang menjadi cerminan kepada latar belakang budaya dalam sebuah karya seni. Mulyadi Mahamood (1995) menjelaskan bahawa bidang kritikan terhadap seni penting untuk melahirkan ideologi dan budaya. Hal ini selaras dengan pembentukan budaya, intelektual dan pemikiran yang kritis dalam kalangan masyarakat.

Mulyadi Mahammod (1995: 57), manjelaskan bahawa tema kritikan sosial sudah tidak asing lagi sebagai penghasilan sesebuah karya. Ramai seniman menjadikan seni sebagai platform dari sudut politik, ekonomi, budaya dan ekosistem untuk menjadi penghubung antara pengkarya, masyarakat dan pentadbiran. Mohd Johari Ab Hamid (2011: 3), pula menjelaskan bahawa hasil karya seni pada era ini cenderung terhadap kritikan sosial. Kecenderungan ini adalah implikasi daripada kesedaran masyarakat tentang persekitaran ekonomi, politik, budaya dan ekosistem. Para seniman menyalurkan pandangan dan pendapat mereka terhadap masyarakat dalam bentuk karya kritikan sosial.

Seni sebagai medium kritik sosial di Malaysia yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan telah disahut oleh generasi muda seperti kelahiran kolektif Pangrok Sulap di Sabah. Kumpulan yang prolifik menggunakan karya cetakan sebagai alat komunikasi yang berpaksikan ikon figura sebagai tema

demi mengangkat martabat sosial dan budaya. Walau bagaimanapun, Ahmad Rashidi Hasan (2006: 9), berpendapat bahawa cetusan ilham atau idea selalunya berlandaskan pengalaman, kefahaman, pemikiran dan falsafah yang membolehkan seorang seniman menghasilkan karya yang bermakna. Justeru, tidak semua pengamat akan berfikir secara mendalam dan terperinci untuk melihat sesuatu yang berada di luar kebiasaan mereka. Hal ini mengakibatkan mesej yang diterima berbeza mengikut pandangan masing-masing sama ada menerimanya secara positif atau menerimanya secara negatif (Mohd Johari Ab. Hamid, 2013:17).

## **Metodologi**

Gambaran visual atau imejan sesebuah karya seni tidak selalunya mudah untuk memahaminya. Kesulitan dalam memahami seni timbul akibat sifatnya yang pelbagai dimensi, pelbagai ekspresi dan pelbagai interpretasi. Dalam mentafsir karya, beberapa refleksi lain perlu dilibatkan seperti kepercayaan, agama, politik, ekonomi, teknologi, ilmu pengetahuan serta sosial dan budaya. Analisis data seni juga sentiasa berkait rapat dengan persoalan emosi atau cita rasa dalam pelbagai bentuk, corak dan simbol ekspresi. Justeru, unsur pertimbangan, pemahaman dan kelenturan seseorang pengkaji perlu digunakan dalam sesebuah kajian (Rohidi, 2000).

Kajian ini adalah berpandukan kepada karya cetakan oleh Pangrok Sulap berjudul Maphilindo tahun 2015. Data-data kajian diperoleh berdasarkan pemerhatian kandungan formal terhadap keseluruhan imej dan ikon dalam karya yang dikaji. Interpretasi dan analisis data berbentuk kualitatif dilaksanakan dengan berpandukan pendekatan ikonografi yang diperkenalkan oleh Erwin Panofsky (1972). Kaedah analisis dalam pendekatan ikonografi dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu praikonografi, analisis ikonografi dan interpretasi ikonologikal (Rajah 1). Tahap pertama atau praikonografi merupakan peringkat deskripsi, iaitu pemerihalan tentang imej-imej yang dipaparkan dalam karya. Tahap yang kedua ialah analisis ikonografi, iaitu penjelasan terhadap objek dengan cara mengidentifikasi makna sekunder berdasarkan imej, gambar dan cerita. Tahap yang ketiga ialah peringkat interpretasi ikonologikal yang menjurus kepada interpretasi terhadap makna imej, gambar dan cerita. Interpretasi ini adalah berdasarkan makna simbolik, ikon atau nilai-nilai dalaman tentang imej, gambar atau objek. Analisis ikonografi dalam kajian ini adalah berdasarkan (Rajah 1).

PraIkonografi	Ikonografi	Ikonologi
Praikonografi merupakan tahap deskripsi iaitu memerihal atau mendeskripsi hal-hal yang tampak pada suatu imej, objek atau gambar.	Analisis ikonografi merupakan tahap analisis yang kedua, iaitu mengidentifikasi makna sekunder terhadap hal-hal objek berdasarkan imej, objek, gambar dan cerita.	Interpretasi ikonologi merupakan tahap analisis yang ketiga, iaitu lanjutan daripada analisis praiikonografi dan ikonografi. Interpretasi ikonologi adalah penjelasan lanjut terhadap ikon objek, makna simbolik atau nilai-nilai intrinsik berdasarkan imej, objek, gambar dan cerita.

**Rajah 1** Pendekatan ikonografi oleh Erwin Panofsky (1972)

### Analisis Karya Maphilindo (2015)

Karya bertajuk Maphilindo (Kesatuan) adalah hasil cetakan oleh kumpulan Pangrok Sulap pada tahun 2015 (Rajah 2). Karya ini menggunakan medium cetakan daripada kepingan kayu (*woodcut*) dan diterap di atas kain berukuran 132 cm x 83.5 cm. Karya ini menampilkan tiga potret atau figura yang bergandingan antara satu dengan yang lain. Teknik cetakan dalam karya adalah cetusan daripada garisan dan warna *monoprint* menggunakan warna dakwat hitam untuk menimbulkan imej.

Visual tiga orang lelaki muda digambarkan sedang memandang ke hadapan dan kedudukan mereka sejajar secara horizontal yang membentuk satu barisan. Figura mereka digarap secara bertindihan, iaitu perkongsian bahagian muka dan mata. Gambaran pertindihan atau tindanan imej diilhamkan mengikut skema dan kadar banding sehingga membentuk figura yang tidak terasing dan boleh dilihat antara satu dengan yang lain.

Pengutaraan tema “Ma=Phil=Indo” sebagai singkatan tajuk karya menampilkan figura yang memakai busana atau pakaian yang terdiri daripada *barong*, songkok, baju Melayu dan *blakon*. Figura yang menggayaikan pakaian sebagai simbol budaya bangsa membayangkan ekspresi pelukis tentang kesatuan wajah Malaysia, Indonesia dan Filipina (Rajah 2). Ekspresi pelukis dalam karya cetakan ini merangkumi lima elemen untuk membentuk sebuah negara yang aman, iaitu terdiri daripada budaya, kerjasama, identiti, agama dan perpaduan (The Star, 2018).

Dalam penghasilan seni cetakan, penggunaan tema biasanya mempunyai signifikannya dengan mesej atau maklumat yang disampaikan. Pemahaman terhadap

tema dan simbol-simbol sejagat yang dikenal pasti membantu pemerhati untuk memahami maklumat yang disampaikan. Menurut Mohd Fawazie Arshad, Mohammad Khizal Saat dan Safrizal Shahir (2017), karya ini membayangkan sebuah gagasan idea melalui tema Maphilindo, sebagai sebuah kesatuan bangsa yang terdiri dari Malaysia, Filipina dan Indonesia. Garapan dari aspek formalistik, teknik dan interpretasi visual karya yang dihasilkan ini menjadi batu loncatan sebagai medium yang terbaik bagi menyebarkan informasi komunikasi berbentuk visual kepada masyarakat.



**Rajah 2** Maphilindo (Kesatuan). *Woodcut*. 132 cm x 83.5 cm, (2015)

Tajuk: *Maphilindo* (Kesatuan)  
Tahun: 2015  
Teknik: *Woodcut Print*  
Koleksi: Koleksi peribadi Pangrok Sulap

### Analisis Praikonografi

Analisis deskripsi praikonografi pada karya Maphilindo (Rajah 2) menampilkan tiga wajah yang digandingkan menjadi sebuah kombinasi yang rapat antara satu dengan lain. Subjek pertama menampilkan wajah seorang lelaki yang memakai *barong*<sup>1</sup> dikombinasikan dengan figura lelaki

<sup>1</sup> Pakaian tradisi masyarakat Tagalog di Filipina.

yang memakai *blangkon* (Rajah 3). Figura yang kedua adalah wajah seorang lelaki yang memakai *blangkon*<sup>2</sup>, iaitu pertindihan imej dengan figura lelaki di sebelah kiri dan kanan (Rajah 4). Imej yang ketiga adalah wajah seorang lelaki bersongkok<sup>3</sup> dan memakai baju Melayu yang menampilkan leher Teluk Belanga<sup>4</sup>. Figura ini adalah berkombinasi dengan imej seorang lelaki yang memakai *blangkon* (Rajah 5). Pengkarya turut menggabungkan beberapa elemen seni seperti warna hitam, garisan, jalinan, rupa, bentuk, ruang dan pergerakan untuk mewujudkan kesatuan imej yang digambarkan.



**Rajah 3** Figura lelaki memakai pakaian *barong* melalui teknik tindihan dengan figura lelaki yang memakai *blangkon*.



**Rajah 4** Figura lelaki berpakaian *blangkon* secara bertindih dengan figura lelaki pada bahagian kanan dan kiri.



**Rajah 5** Figura lelaki bersongkok bertindih dengan wajah lelaki yang memakai *blangkon* di bahagian tengah.

### Analisis Ikonografi

Tahap kedua dalam analisis kajian ini adalah mengklasifikasikan karya berdasarkan tema dan maklumat yang dipaparkan. Imej dominan yang dipaparkan oleh pengkarya adalah merujuk kepada lambang-lambang atau ikon budaya yang dirujuk. Paparan imej seperti songkok dan baju Melayu Teluk Belanga, merujuk kepada budaya pakaian rasmi Malaysia. Imej *blangkon* pula menggambarkan lambang budaya negara Indonesia, manakala pakaian *barong* merujuk kepada ikon pakaian rasmi di Filipina.

Konotasi imej dalam karya Maphilindo merujuk kepada tiga buah negara berjiran dalam kesatuan negara ASEAN. Istilah Maphilindo sebagai tema karya cetakan adalah imbasan fikiran pelukis terhadap bayangan sebuah

<sup>2</sup> Hiasan kepala tradisi masyarakat Jawa di Indonesia.

<sup>3</sup> Hiasan kepala masyarakat Melayu Semenanjung Malaysia.

<sup>4</sup> Jenis pakaian tradisional Melayu Malaysia.

gagasan Maphilindo yang pernah dicadangkan ketika zaman pemerintahan yang terdahulu. Dalam hal ini, pengkarya menggunakan elemen figura dan budaya melalui pakaian tradisi sebagai garapan imej untuk menjelaskan nilai murni dan kesatuan. Kesatuan budaya dijelaskan melalui figura lelaki dengan identiti pakaian oleh ketiga-tiga figura. Pemakaian *barong*, *blangkon* dan baju Melayu turut diamalkan sebagai pakaian rasmi, upacara adat, keramaian, upacara pernikahan dan upacara rasmi. *Blangkon* merupakan perhiasan kepala yang sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Indonesia dan banyak digunakan oleh penceramah agama dan para pemimpinnya. Penggunaan songkok dan baju Melayu jenis Teluk Belanga adalah gambaran bagi masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia dari zaman kesultanan Melayu sehingga kini (Asliza Aris, 2014).

Karya Maphilindo merupakan sebuah karya yang berkonsepkan ‘kesatuan.’ Justeru, pengkarya menampilkan gambaran kesatuan melalui teknik gabungan atau cantuman pada ketiga-tiga imej figura. Tindihan imej tersebut difokuskan kepada perkongsian muka, mata dan pakaian. Sebagai contoh, gambaran imej mata yang mewakili imej lelaki Indonesia adalah perkongsian mata dengan imej mata lelaki negara Malaysia dan Filipina. Makna tajuk karya yang merujuk ‘Maphilindo atau kesatuan’ menguatkan lagi maksud kerjasama yang ingin dinyatakan oleh pelukis dalam karya. Prinsip kesatuan dalam karya ini terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, bersifat reality, iaitu kesatuan dalam kepelbagaian budaya yang diamalkan di tiga buah negara. Kedua ialah imej khusus yang melihat kepada konsep kesatuan yang ditunjukkan melalui teknik dan elemen visual yang digarap untuk menampilkan karya ini.

### **Interpetasi Ikonologi**

Peringkat interpretasi ikonologi adalah penjelasan lanjut terhadap makna simbolik atau nilai-nilai intrinsik yang ingin disampaikan oleh pengkarya dalam karya Maphilindo. Dari perspektif pengkarya, dorongan utama penghasilan karya ini dikaitkan dengan isu migrasi haram yang semangkin berleluasa. Pengkarya ingin menyampaikan, pendapat dan harapan menerusi penggunaan tajuk karya kesatuan atau Maphilindo.

Sehingga hari ini, permasalahan ini terus bertambah. Sebagai contoh, Jeniri Amir (2014) dalam *Berita Harian*, menjelaskan bahawa kebanjiran PATI di Sabah adalah sangat tinggi sehingga mencécah kepada 27 peratus daripada 3.12 juta rakyat Sabah. Hal ini perlu ditangani dengan gandingan semangat kesatuan dan kerjasama yang tinggi seperti gambaran perlambangan dalam karya yang mewakili Malaysia, Indonesia dan Filipina (Pangrok Sulap, 2018). Menerusi

karya ini, pengkarya menyampaikan mesej melalui figura sebagai simbol dan ikon kesatuan demi membangunkan sebuah negara yang harmoni.

Dalam analisis ikonografi, imej-imej visual yang dipaparkan menjadi pentas pengkarya untuk menyampaikan maklumat dan pendapat melalui tema Maphilindo yang pernah dicadangkan dalam sejarah ketika dahulu. Pengkarya menggambarkan bahawa kekuatan sesebuah negara dapat dilihat melalui kesatuan yang dimiliki. Karya ini juga ingin membuktikan bahawa kepincangan tidak akan berlaku jika sesebuah negara memiliki jalinan kesatuan dan hubungan yang akrab antara satu dengan yang lain.

## KESIMPULAN

Kepelbagaiannya dalam seni visual seperti cetakan sebenarnya memperkayakan lagi saluran seni untuk menjelaskan mesej dan informasi. Kesan dan imej visual daripada paparan karya berjudul Maphilindo, membuka ruang kepada pemerhati untuk menyatakan makna imej yang dilihat atau dipaparkan. Maklumat dan mesej oleh pelukis digarap melalui kesatuan elemen formal seni visual seperti tema, warna, garis, rupa atau bentuk. Dari segi pengkaryaan, karya Maphilindo bukan sahaja menjadi kepuasan kerja pelukis, malah merujuk bahawa seni tersebut memberi pengertian yang tersendiri. Sebagai contoh, potret manusia diukir dan dicetak, melahirkan karakter manusia dan ilusi perihal kehidupan.

Hasil cetakan yang berkesan dapat menjelaskan sesuatu isu atau perkara yang terselindung dalam kehidupan sebenar. Kaedah seni cetakan yang dihasilkan oleh kumpulan Pangrok Sulap berperanan sebagai medium komunikasi dalam menyampaikan sesuatu makna. Oleh itu, penampilan media cetakan bukan sahaja terhad kepada medium ekspresif seni tetapi sebagai alat komunikasi dalam penyampaian sesuatu maklumat berbentuk visual (Mohd Fawazie Arshad, Mohammad Khizal Saat & Safrizal Shahir, 2017). Pengarang berharap agar kajian ikonografi ini menjadi rujukan banyak pihak. Secara umumnya, kaedah menghasilkan karya ini berlatarbelakangkan suara dan pendapat tentang nilai-nilai budaya dan kesatuan dalam konteks karya dan maksud yang hendak disampaikan.

## RUJUKAN

- Ahmad Rashidi Hasan. (2006). *Seni lukis dan idea*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Arshad, Mohd Fawazie Saat, Mohammad Khizal & Shahir, Safrizal. (2017). Cetakan konvensional dan alternatif sebagai medium komunikasi visual dalam seni tampak Malaysia. In: *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2017*. School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia, pp. 146–152.
- Asliza Ariz. (2014). *In the peninsular of Malaysia*. Tesis PhD. (tidak diterbitkan) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/16061>
- Dawson, John. (2003). *The complete guide to prints and printmaking techniques and materials*. San Diego, CA, U.S.A: Quantum Books.
- Feldman E, B. (1967). *Art as image and idea*. New Jersey: Prentice Hall.
- Jacobs, K. (1993). The use of photography to explore the meaning of Health among adolescentswith cancer. *Issues in comprehensive pediatric nursing*, 16(3), 164.
- Jeniri Amir. (2014). Tangani isu PATI di Sabah secara bijaksana. *Berita Harian*. Disember 7, 2014. [rencana@bh.com.my](mailto:rencana@bh.com.my).
- Lansing, Kenneth M. (1971). *Art, artists and art education*. New York: McGraw-Hill.
- Long, T. S. (1993). Kedudukan seni cetak dalam dekad 70-an. Dlm. *Katalog Pameran Komunikasi Melalui Grafik- Seni Cetak*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Marzuki Hj Ibrahim. (2015). *Fungsi seni visual kepada masyarakat*. Machang: Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UITM.
- Mohd Johari Ab. Hamid. (2008). *Apresiasi dan kritikan seni visual*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Johari Ab. Hamid. (2011). *Apresiasi dan kritikan seni visual*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Johari Ab. Hamid & Hamzah Lasa. (2013). *Estetika seni visual*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mulyadi Mahamood. (1995). *Seni lukis dalam peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mulyadi Mahamood. (2003). *Seni cetak kontemporari Malaysia*. Dewan Budaya.
- Pangrok Sulap. (2018). *Lopung is dead*. Kuala Lumpur: Unico Services.
- Panofsky, Erwin. (1972). *Meaning in the visual arts*. United States: Overlook Press, T.H.E.
- Patrick, Frank. (2014). *Artforms*. Prentice Hall: University of Mobile.
- Phillips & Michael. (2000). *William Blake: The creation of the songs from manuscript to illuminated printing*. London: British Library.
- Rohidi, Tjetjep Rohendi. (2000). Kajian antara disiplin, implikasi paradigmatis dan implementasinya dalam penelitian seni rupa. *Wacana Seni Rupa*, 1, 1 Ogos.
- Rosiah Md Noor & Mohd Zahuri Khairani. (2019). Seni cetak masa kini di Malaysia: Tinjauan umum menerusi pameran-pameran berkumpulan. *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 7, 22–30.
- The Star*. (2018). <https://www.thestar.com.my/lifestyle/travel/2018/10/20/sabah-art-collective-pangrok-sulap-woodcut-rizo-leong-jerome-manjat-exhibition>).

